

**Sokongan Terhadap Azizah Perlu Diterjemahkan Di DUN Selangor - Abdul Khalid Bernama**  
**August 14, 2014**

SHAH ALAM, 14 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail perlu melalui proses di Dewan Undangan Negeri (DUN) jika beliau mendakwa mendapat sokongan majoriti Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Selangor untuk mengambil alih jawatan Menteri Besar.

Dakwaannya itu, kata beliau, perlu diterjemahkan melalui proses undi tidak percaya di DUN Selangor, sebagaimana yang termaktub mengikut Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri.

"Proses ini penting memandangkan kerajaan negeri merupakan sebuah kerajaan yang mempunyai peraturan, undang-undang serta proses perundangan yang perlu dipatuhi, tidak hanya rakyat bahkan pemimpin dan juga pentadbir negeri ini.

"Kita berpendirian bahawa sehingga proses itu berlaku, pentadbiran kerajaan negeri akan berjalan seperti biasa. Kesemua usaha ini adalah tertakluk kepada kuasa Sultan Selangor," katanya dalam satu kenyataan di sini Khamis.

Dr Wan Azizah pada sidang akhbar di Subang Jaya pada Khamis mengumumkan beliau mendapat sokongan majoriti daripada 30 Adun Pakatan Rakyat (PR) termasuk dirinya untuk mengambil alih jawatan Menteri Besar Selangor.

Dr Wan Azizah, yang juga Adun Kajang, mendakwa kesemua Adun berkenaan turut menyatakan rasa hilang kepercayaan terhadap Abdul Khalid sebagai Menteri Besar.

Beliau berkata pendirian 30 Adun itu dinyatakan secara bertulis di dalam Akuan Bersumpah yang ditandatangani mereka selain kesemua Adun terbabit hadir sendiri pada sidang akhbar itu untuk menyatakan sokongan.

Mereka termasuk Adun Hulu Klang Saari Sungib dan Adun Morib, Hasnul Baharuddin, kedua-duanya daripada PAS.

Sehubungan itu, Presiden PKR itu berkata beliau telah mengutus surat kepada Sultan Selangor pada pukul 11.30 pagi ini untuk memohon menghadap dan mempersembahkan sokongan majoriti bagi mendapat perkenan baginda seperti yang diperuntukkan dalam Undang-undang Tubuh Negeri.

Kedudukan terkini DUN Selangor yang memiliki 56 kerusi ialah PAS dan DAP masing-masing memiliki 15 kerusi, PKR (13), Barisan Nasional (12) dan Bebas satu kerusi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1060409>